BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Oktober 2023

Inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada 1.8% pada bulan Oktober

Sumbangan kepada inflasi



- Inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada 1.8% (September 2023: 1.9%) didorong sebahagian besarnya oleh inflasi makanan segar (1.2%; September 2023: 1.6%).
- Sementara itu, inflasi teras lebih rendah pada 2.4% pada bulan Oktober (September 2023: 2.5%).
  - Khususnya, penurunan itu disebabkan oleh inflasi yang lebih rendah bagi perkhidmatan terpilih termasuk makanan dari luar rumah serta pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan peribadi.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Eksport menguncup sedikit

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport menguncup pada kadar yang lebih perlahan (-4.4%; September 2023: -13.8%), mencerminkan peningkatan dalam eksport perkilangan dan eksport komoditi.
- Eksport perkilangan mencatatkan penurunan yang lebih kecil bagi eksport E&E dan bukan E&E. Sementara itu, eksport komoditi disokong oleh peningkatan eksport minyak sawit.
- Pada masa hadapan, eksport dijangka meningkat secara beransur-ansur menjelang akhir tahun ini. Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan terus wujud, berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah.

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan mampan

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1,2]



- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 4.2% pada akhir bulan Oktober (September 2023: 4.2%), disokong oleh pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul yang lebih tinggi berikutan pertumbuhan kredit yang lebih perlahan kepada perniagaan.
- Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak 1.0% (September 2023: 1.6%), disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih sederhana bagi pinjaman modal kerja dalam kalangan bukan PKS. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman PKS terkumpul masih menggalakkan (6.9%; September 2023: 6.7%). Sementara itu, pertumbuhan bon korporat terkumpul kekal pada 5.0% (September 2023: 5.0%).
- Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat sedikit kepada 5.6% (September 2023: 5.4%), disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi merentas kebanyakan tujuan pinjaman. Keadaan ini mencerminkan permintaan pinjaman yang lebih tinggi terhadap pinjaman isi rumah, terutamanya untuk pembelian rumah, kereta dan kegunaan peribadi.

[1] Terdiri daripada pinjaman kepada isi rumah dan syarikat bukan kewangan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) serta bon korporat yang diterbitkan oleh syarikat bukan kewangan (termasuk kertas jangka pendek).

[2] Mulai penerbitan Sorotan dan Perangkaan Bulanan (Monthly Highlights and Statistics, MHS) bulan Disember 2022, siri ini diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan. Siri data baharu ini tersedia dalam Jadual 2.18 MHS.

Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Oktober 2023

Pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya dipengaruhi sentimen pelabur global

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Oktober 2023



- Keadaan kewangan global terjejas disebabkan terutamanya oleh kenaikan kadar hasil perbendaharaan Amerika Syarikat (AS) 10 tahun apabila data ekonomi AS yang kukuh menyebabkan peningkatan jangkaan pelabur terhadap persekitaran kadar dasar yang yang lebih tinggi.
- Berlatarkan keadaan ini, kadar MGS 10 tahun meningkat sebanyak 14 mata asas (purata serantau* : +22 mata asas) manakala nilai ringgit menurun sebanyak 1.6% berbanding nilai dolar AS (purata serantau*:-0.3%).
- FBM KLCI meningkat sebanyak 1.3% berikutan sentimen pasaran ekuti domestik yang lebih baik selepas Belanjawan 2024.

Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur
*Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Kecukupan Modal Sistem Perbankan



- Nisbah modal secara amnya stabil, menyokong aktiviti pengantaraan kewangan bank-bank dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menampung kerugian yang tidak dijangka.
- Lebihan penampan modal sistem perbankan[1] kekal kukuh pada RM132.6 bilion.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawaliseliaan minimum, dan meliputi keperluan penampan pengekalan modal (2.5%) dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan institusi perbankan terus kukuh

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai pada 150.8% (September 2023: 151.5%).
- Agregat nisbah pinjaman kepada dana sebahagian besarnya kekal stabil pada 82.2% (September 2023: 82.5%).

Sumber: Bank Negara Malaysia